


PKP Umpama Anugerah Bagi Alam Sekitar



Oleh: Nor Izzaty Binti Tarmuji

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Diterbitkan pada 2 Ogos 2021

Pelaksanaan sekatan pergerakan di seluruh dunia termasuk di Malaysia memberi kesan positif terhadap alam sekitar. Ia boleh dianggap sebagai anugerah terindah untuk alam sekitar yang selama ini berjuang untuk meneruskan kehidupan.

Dalam tempoh sekatan pergerakan yang berterusan di banyak negara dalam masa dua tahun ini merupakan tempoh berehat kepada bumi yang sudah berusia berbilion tahun usianya.

Pelaksanaan sekatan pergerakan berjaya mengurangkan kadar pencemaran udara di seluruh dunia yang kini berada pada tahap sangat baik berbanding sebelumnya.

Menurut Akta Kualiti Alam Sekitar (AKAS) 1974, pencemaran adalah perubahan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada sifat-sifat fizik, kimia, biologi atau aras sinaran bahagian alam sekeliling dengan melepaskan atau mengeluarkan buangan hingga menjejaskan faedahnya yang menimbulkan sesuatu keadaan yang mungkin berbahaya kepada kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam manusia atau tumbuhan dan haiwan.

‘Nafas baharu’ yang diberi kepada alam sekitar banyak memberi kesan baik terhadap kadar pencemaran udara dan pelepasan gas rumah kaca ke sistem iklim global.

Firman Allah SWT yang bermaksud: “Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).” (Surah ar-Rum, ayat 41)

Ayat ini menyatakan kerosakan berlaku daripada aktiviti manusia yang menyebabkan berlaku pencemaran di darat, laut dan udara.

Berdasarkan pengalaman saya sendiri sewaktu berkunjung ke pantai yang berdekatan di rumah, saya mendapati sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), longgokan sampah sarap terapung di permukaan laut sehingga menyakitkan mata yang memandang. Namun, sewaktu PKP, permukaan laut kelihatan lebih bersih dan jernih berbanding sebelum ini.



Sungai Melaka, Melaka semakin jernih ketika PKP. Sumber: Google

Selain itu, bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) secara purata berada di tahap sederhana iaitu kurang dari 60, manakala di Kuantan (Pahang), Tanjung Malim (Perak), Paka (Terengganu), Alor Setar (Kedah), Kangar (Perlis) dan Sarawak mencatatkan IPU di bawah 50 iaitu di bawah tahap baik.

Sementara itu, sewaktu PKP, kejernihan air di sungai seluruh Malaysia semakin baik dan bersih apabila aktiviti perindustrian yang menjadi punca kekeruhan air sungai dihentikan ketika ini.

Oleh itu, tiada lagi sisa toksik dan bahan buangan yang dibuang ke dalam sungai sekali gus menjadi sungai semakin bersih dan terjaga.

Menurut Global Environment Centre iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang berperanan menangani isu-isu alam sekitar, perbezaan yang jelas dapat dilihat khususnya terhadap sungai-sungai di Lembah Klang yang dahulunya berwarna coklat kini bertukar menjadi jernih.

Antara sungai yang kelihatan jernih sejak pelaksanaan PKP adakah Sungai Gombak, Sungai Melaka, Sungai Way dan Sungai Kemuning.

Sebanyak 580 tan sampah dikumpul di bawah Projek 'Selangor Maritime Gateway' (SMG) berbanding purata 900 hingga 1,200 tan sebulan dalam tempoh enam bulan lalu.

Realitinya, jika kebersihan alam sekitar tidak diteruskan, ia akan menjejaskan kestabilan dan kelestarian penghasilan sumber protein di negara ini.

Premis perniagaan seperti kilang perindustrian pula perlu memastikan sisa toksik tidak dibuang ke dalam sungai dan diuruskan dengan rapi agar sungai tidak tercemar.

Walaupun pandemik Covid-19 banyak memberi cabaran kepada manusia sejagat terutamanya dari segi ekonomi dan kesihatan tetapi ia memberi sinar baharu kepada hidupan lain.

Sehubungan itu, semua rakyat perlu berganding bahu mengekalkan tahap kebersihan sungai walaupun PKP akan berakhir supaya generasi akan datang boleh melihat dan menikmatinya.